

UniSZA unggul Pertandingan Disrupt-IT Challenge

KUALA NERUS - Lima penuntut Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dinobatkan sebagai pemenang utama Pertandingan *Disrupt-IT Challenge* yang berlangsung baru-baru ini.

Hasil kemenangan itu turut membolehkan kesemua pemenang membawa pulang wang tunai keseluruhan berjumlah RM17,500.

Pengumuman pemenang itu diadakan serentak dengan majlis yang diadakan di Ibu Pejabat, Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC).

Ketua kumpulan, Amir Fadzi Abd. Ghani berkata, kumpulan Green Dream yang dianggotai beliau dan empat ahli lain itu telah menawan hati juri melalui projek *iMB: In-Situ Microalgae Bio-engineered Harvest*.

Menurutnya, lebih 100 pasukan menyertai pertandingan itu dan hanya sembilan layak ke peringkat akhir. "Alhamdulillah, kami berjaya melayakkan diri ke pertandingan akhir dan dinobatkan sebagai juara pertandingan ini.

"Kumpulan kami juga dipilih sebagai pemenang kategori *Best Business Plan* sekali gus membawa pulang wang tunai RM2,500," katanya.

Disrupt-It Challenge adalah satu pertandingan anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Prestariang dengan kerjasama Malaysia Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC).

Program itu bertujuan mencari *tech-preneurs* dengan produk dan idea perniagaan baharu yang selari dengan UN Sustainable Goals.



Pasukan Green Dream bergambar di reruai pameran